


Buletin FKA

PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG

EDISI 2022



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

eISSN 2716-6325




9 772716 632004

Diterbitkan pada 15 Oktober 2023

‘MINI EXHIBITION FYP EC221’ PROGRAM TERBAIK AKADEMIK

Oleh: Ts. Dr. Mohd Samsudin Abdul Hamid, Aniza Albar, Wan Safizah Wan Salim, Nor Azliza Akbar,
Nur Shafieza Azizan, Nik Farhanim Imran, Amril Hadri Jamaludin

Pada 2 Julai 2022, Unit Projek Tahun Akhir, Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Pengajian Kejuruteraan telah menganjurkan ‘Mini Exhibition FYP EC221’ yang melibat 236 pelajar semester 8. Program ini dianjurkan bagi menilai projek akhir pelajar dan dinilai oleh panel akademik dan panel industri. Program ini telah berlangsung selama 4 jam dan pelajar-pelajar yang cemerlang telah diberikan penghargaan melalui 3 kategori iaitu ‘Best Poster’, ‘Best Presenter’ dan ‘Best Personality’. Program ini juga telah dirasmikan oleh Dr. Hj Anas Ibrahim, Ketua Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam. Dalam pada ini program ini juga telah melibat seramai 42 orang panel industri dari pelbagai latarbelakang iaitu kontraktor, perunding, agensi kerajaan, dan institusi pengajian tinggi. Dalam pada itu, terdapat juga 7 orang alumni program EC221 telah hadir sebagai panel industri pada program ini.



Secara tidak langsung, program ini juga menjadi medan untuk meneruskan legasi graduan EC221 yang mampu memberikan sumbangan kembali kepada pihak universiti melalui program seperti ini. Dalam pada itu, pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA) 2022, UiTM Cawangan Pulau Pinang yang dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik, program ini telah diberikan pengiktirafan sebagai Program Akademik Terbaik dan diberikan sijil penghargaan serta piala iringin. Selain itu juga, program ini telah meraih tempat ketiga Anugerah Program Alumni Terbaik pada Mesyuarat Timbalan Rektor PJIM&A (METIC) UiTM dibawah ICAN. Hal ini kerana, program ini telah melibatkan pelbagai pihak dan berjaya dilaksanakan dengan baik hasil daripada sokongan semua pihak. Unit Projek Tahun Akhir ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program ini iaitu AJK Projek Tahun Akhir, para pelajar, para pensyarah, panel industri dan Bahagian Hal Ehwal Akademik. Tuntasnya, program ini telah Tuntasnya, program ini telah berjaya meletakkan Pengajian Kejuruteraan Awam sebagai pusat pengajian yang telah membantu keterlihatan UiTMCPP di peringkat yang lebih tinggi.

